

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MALAM PENGHARGAAN EON

TEMPAT: HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 04 FEB 1988

MASA:

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan,
Saya mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Edaran
Otomobil Nasional atau EON kerana menjemput saya ke majlis
ini. Saya berharap majlis yang dihadiri oleh berbagai
kumpulan dan individu yang telah memberi sokongan penuh
kepada pemasaran kereta nasional Proton Saga ini akan
menjalinkan lagi hubungan rapat antara sesama sendiri bagi
memastikan kereta nasional mempunyai pasaran yang lebih
baik pada masa hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Pada hari ini, lebih daripada 60,000 unit kereta Proton
Saga telah dijual di negara kita. Ini merupakan kira-kira
85% pasaran bagi kereta-kereta 1600 c.c. ke bawah.
Memikirkan terdapatnya beberapa jenis kereta dalam
lingkungan tersebut yang dipasarkan di negara ini, saya
menganggapkan bahawa peratusan yang dikuasai oleh Proton
Saga adalah sangat memuaskan. Seperkara lagi yang menarik
ialah kereta nasional ini bukan sahaja dibeli oleh mereka
yang berpendapatan sederhana, tetapi dibeli juga oleh mereka
yang berpendapatan tinggi. Ini menunjukkan rekabentuk dan
kualiti pengeluaran kereta nasional ini dapat memenuhi
citarasa dan keyakinan semua golongan rakyat negara ini.

3. Di samping itu tuan-tuan punya kereta Proton Saga
memerlukan perkhidmatan sokongan atau back-up services yang
baik dan rapi. Keperluan-keperluan alat-alat gantian mudah
didapati termasuklah di bandar-bandar kecil. Sepertimana
yang kita semua maklum, perkhidmatan ini dapat disediakan
oleh EON. Kita berharap perkhidmatan sokongan ini akan
terus dipertingkatkan.

4. Kita mengucapkan tahniah kepada Proton yang telah
mengeluarkan kereta yang bermutu, kepada EON kerana strategi
pemasarannya yang berkesan, dan kepada semua hadirin malam
ini yang telah membantu kedua-dua pihak terutama kepada EON
dalam pemasaran kereta nasional ini. Saya sedar bahawa
sesuatu kejayaan itu tidaklah datang bergolek sahaja tetapi
ianya dicapai dengan usaha yang berterusan, usaha yang

kreatif dan sokongan serta kerjasama daripada semua pihak yang terlibat.

5. Kejayaan Proton Saga dan EON bergantung juga kepada layanan istimewa oleh Kerajaan. Satu faktor yang penting yang menjadikan Proton Saga begitu menarik ialah harga yang lebih murah daripada harga kereta-kereta lain yang sama kekuatan enjinnya. Justeru itu, kejayaan sebenar hanya boleh diketahui jika bantuan Kerajaan tidak ada lagi atau jika Proton Saga berjaya di pasaran luar negeri di mana layanan istimewa tidak dapat diberikan oleh Kerajaan dan persaingan menjadi lebih hebat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Di sini saya ingin menegaskan akan pentingnya semua pihak yang terlibat dengan satu-satu perniagaan itu bekerjasama. Tidak dapat tidak, akan ada pendapat-pendapat yang berbeza antara pihak-pihak yang mengadakan perkongsian atau usahasama dalam satu-satu perniagaan. Kecekapan peniaga akan terbukti apabila mereka dapat mengatasi masalah perhubungan di antara mereka dengan tidak menjejaskan perniagaan mereka.

7. Demikian juga apabila sesuatu perniagaan itu maju, maka ramai yang akan berminat. Bermacam-macam usaha akan dibuat untuk mendapatkan sebahagian daripada 'action' ini. Tuduh-menuduh akan berlaku yang tidak menolong sesiapaupun. Sebaliknya, jika sesuatu perniagaan itu mengalami kejatuhan pasaran, ramai yang akan melarikan diri atau tidak mahu menolong memulihkannya. Sebab itulah pada waktu Proton Saga mengalami kejatuhan pasaran dan jualanannya tidak begitu laris, ramai peniaga membuat helah tidak mahu menerima bekalan. Sekarang peniaga-peniaga ini pula membuat berbagai rungutan mengapa mereka tidak diberi layanan yang mereka perlukan. Sebenarnya, peniaga yang baik ialah peniaga yang sanggup tenggelam-timbul dengan sesuatu barangan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Semenjak beberapa tahun yang lalu, kita sering mendengar tentang kes-kes pecah amanah di kalangan ahli-ahli perniagaan. Orang yang dahulu terkenal sebagai jaguh dalam bidang perniagaan sekarang ini didedah sebagai penipu yang telah menyalah-gunakan duit para pelabur kecilan dan besaran. Demikianlah telatah mereka ini sehinggakan sekarang pelabur-pelabur Malaysia takut menyerahkan wang simpanan mereka untuk dijadikan modal perniagaan dalam syarikat-syarikat atau koperasi-koperasi.

9. Dalam dunia perniagaan moden, kepercayaan kepada para pengarah dan para pengurus amatlah penting. Perniagaan milik sendiri atau keluarga tidak mungkin membesar seperti yang dikehendaki oleh aliran perniagaan di zaman ini. Hanya syarikat public limited sahaja yang mampu menjadi cukup besar dan kekal selepas pengasasnya tidak ada lagi. Tetapi, syarikat public limited memerlukan modal daripada orang

ramai yang akan diuruskan oleh pengarah dan pengurus syarikat yang mungkin tidak memiliki apa-apa saham atau saham yang banyak. Mengurus modal sendiri dan menguruskan modal orang lain amat berbeza. Sementara wang sendiri boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya, pengurusan wang kepunyaan awam memerlukan amanah dan prosedur tertentu. Kes-kes yang kita lihat sekarang ini adalah kerana ramai pengarah dan pengurus menguruskan wang pemegang saham dan para pelabur seolah-olah milik mereka sendiri.

10. Kerajaan tidak bersimpati dengan orang-orang seperti ini. Tindakan-tindakan tertentu akan diambil terhadap mereka. Kita ingin membersihkan masyarakat peniaga daripada orang-orang yang tidak beramanah dan tidak bertanggungjawab. Proses pembersihan ini akan berterusan. Oleh itu, eloklah jika masyarakat peniaga menggubal dan mengamalkan etika pengurusan yang lebih baik. Jika para peniaga dan para pengusaha Malaysia terkenal sebagai orang yang lurus dan bertanggungjawab, mudah sekali bagi mereka mendapat hutang atau mengumpul modal daripada orang ramai. Demikian juga mereka akan mudah diterima oleh peniaga-peniaga asing dan mengadakan urusan dengan mereka. Negara sudah tentu akan mendapat manfaat daripada sifat-sifat yang mulia ini. Oleh itu amatlah penting masyarakat peniaga mengadakan kod etika mereka sendiri. Salah satu cara meningkatkan etika perniagaan ialah dengan menubuhkan badan-badan eksklusif yang mana hanya mereka yang terkenal sebagai peniaga yang lurus sahaja boleh menjadi ahli. Ini akan memberi kedudukan yang istimewa kepada ahli-ahli. Dengan cara ini sesiapa yang ingin menjadi ahli akan cuba mengamalkan etika yang baik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya difahamkan EON telah mengumpul derma-derma daripada institusi-institusi yang diwakili oleh para hadirin malam ini untuk membiayai aktiviti-aktiviti membanteras penagihan dadah. Saya merakamkan setinggi penghargaan atas segala sumbangan ini. Sumbangan pihak swasta setakat ini sangatlah menggalakkan dan saya berharap usaha seperti ini akan diteruskan sehingga kita semua hidup tanpa gangguan ancaman yang buruk ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Proton, EON, wakil-wakil daripada berbagai pihak yang berkaitan dengan kereta nasional yang hadir pada malam ini dan kepada semua pembeli Proton Saga. Saya berharap keyakinan kepada Proton Saga akan kekal dan berterusan. Terima kasih.